

## Akaun Simpan SSPN Prime dididik pelajar, ibu bapa menabung

**PETALING JAYA** - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan RM100,000 bagi menggalakkan ibu bapa dan pelajar menabung untuk tujuan pendidikan tinggi menerusi akaun Simpan SSPN Prime.

Seramai 2,000 pelajar akan menerima manfaat daripada simpanan ini dengan setiap pelajar menerima RM50 dimasukkan ke akaun Simpan SSPN Prime masing-masing.

PTPTN dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah menerima sumbangan Pejabat Ahli Parlimen Kubang Kerian sebanyak RM100,000 dalam bentuk akaun SSPN Prime, bagi menggalakkan ibu bapa dan pelajar menabung seawal usia untuk tujuan pendidikan di masa hadapan.

"Simpanan SSPN Prime merupakan produk simpanan pendidikan di bawah PTPTN yang menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat.

"Antara kelebihan produk ini ialah kadar dividen yang kom-



**TUAN IBRAHIM** (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada Azhar di Pejabat PTPTN negeri di Kota Bharu semalam.

petitif, pelepasan cukai taksiran pendapatan ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, perlindungan takaful secara percuma selain simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, PTPTN telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Akaun Simpan

SSPN Prime di Pejabat PTPTN negeri Kelantan.

Dalam majlis di Kota Bharu Kelantan semalam, Ahli Parlimen Kubang Kerian, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man telah menyempurnakan gimik penyerahan replika cek kepada Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, Azhar Ahmad.

Turut hadir Pengurus Besar Pejabat PTPTN negeri Kelantan, Azrul Akmal Mamat.